

**NO. SOALAN: 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]**

**SOALAN : Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan kejayaan-  
kejayaan besar yang telah dicapai di bawah  
Malaysian Industry-Government Group for High  
Technology (MIGHT) semenjak badan ini  
dipindahkan bi bawah Jabatan Perdana Menteri  
pada tahun 2011.**

**JAWAPAN: Y.B DATUK SERI MAH SIEW KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) memberi penekanan kepada industri-industri berteknologi tinggi khususnya Aeroangkasa, Pembinaan dan Penyelenggaraan Kapal (SBSR), Rel, Solar, Biomas dan Teknologi Hijau bagi menjana peluang-peluang perniagaan baru terutamanya untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), mewujudkan peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat tempatan dan meningkatkan pembangunan ekonomi negara secara lestari.

Antara pencapaian MIGHT dalam industri teknologi tinggi semenjak dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2011 adalah termasuk:

- a. Meningkatkan nilai industri aeroangkasa negara kepada RM20 bilion setahun serta menjadikan syarikat Composite Technology Research Malaysia (CTRM) sebagai pembekal utama kepada Airbus dan Boeing;

- b. Merealisasikan perkongsian swasta-universiti di dalam R&D termaju yang melibatkan syarikat-syarikat gergasi Rolls Royce dan Airbus bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan dengan penubuhan Aerospace Malaysia Innovation Center (AMIC);
- c. Merealisasikan perkongsian penyelidikan swasta-awam-institusi termasuk penubuhan syarikat usahasama MYBiomass dengan pelaburan dari Sime Darby, Felda Global Ventures dan MIGHT, dan disokong oleh Malaysian Palm Oil Board (MPOB) bagi pembinaan loji yang menghasilkan produk 'green chemical';
- d. Merintis inisiatif-inisiatif strategik bagi industri teknologi tinggi serta menerbitkan dokumen yang berkaitan termasuk:
  - i) Industri SBSR - *Malaysian Shipbuilding/Ship Repair Industry Report* setiap dua tahun (terkini 2015-2016)
  - ii) National Aerospace Blueprint 2030

Sekian, terima kasih.